

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pendidikan Khas Teknik Dan Vokasional Untuk Golongan Orang Kurang Upaya Di Tiga Buah Politeknik

Lokman Bin Tahir & Nurul Qistin Bt Mustafa
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan sistem pendidikan khas teknik dan vokasional di Politeknik Malaysia. Empat faktor penting iaitu penerimaan institut pendidikan, kemahiran tenaga pengajar, kesesuaian silibus dan sistem prasarana telah dikenalpasti pengaruhnya dalam meningkatkan keberkesanan program Pendidikan Khas teknik dan vokasional. Responden kajian difokuskan kepada golongan pensyarah pelajar khas cacat pendengaran daripada tiga buah politeknik yang berbeza lokality negeri iaitu Politeknik Ungku Omar (Perak), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Selangor) dan Politeknik Johor Bahru (Johor). Hasil daripada dapatan instrumen kajian ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS 12 (Statistic Package for the Social Science versi 12) untuk mendapatkan nilai skor min serta peratusan yang seterusnya digunakan untuk menerangkan tahap pengaruh sesuatu faktor tersebut merujuk kepada jadual pengelasan skor min. Hasil kajian mendapati bahawa kemahiran tenaga pengajar dan kesesuaian silibus sememangnya mempengaruhi keberkesanan program pendidikan khas teknik dan vokasional. Selain itu, faktor penerimaan politeknik terhadap golongan OKU berada pada tahap yang positif walaupun prasarana yang disediakan masih ditahap sederhana. Secara keseluruhannya, rumusan kajian mendapati keberkesanan pendidikan khas teknik dan vokasional di Politeknik adalah dipengaruhi oleh jalinan kerjasama antara kementerian pendidikan dan golongan pensyarah.

Abstract: This study was conducted to determine the important factors that influenced the effectiveness of teaching and learning process in Special Education Program (SEP) in Malaysian polytechnics. Research domains that were studied are acceptance of educational institute towards the capabilities of the disable students, lecturers' skill, suitability of the syllabus and infrastructures. Respondents for this research were lecturers that align with learning process of the disable student that involved in the SEP program Politeknik Ungku Omar (Perak), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Selangor) and Politeknik Johor Bahru (Johor). Questionnaires are used as the main research instrument. Data was analyzed with SPSS (Statistic Package for the Social Science) version 12.0 to gather the mean value and percentages. The findings revealed that, lecturers' skills and suitability of the syllabus of the SEP programs plays important roles in the development and achievement of the disable students. The level of acceptance towards these groups of learners in educational institution is positive. In addition, the infrastructures available which suit them are at medium level. Overall, the findings indicated that the effectiveness of Special Education Program (SEP) in polytechnics is affected by the link between the ministry and the lecturers

katakunci: sistem pendidikan khas, teknik dan vokasional

Pengenalan

Penumpuan terhadap Pendidikan Khas di Malaysia bermula sekitar pada tahun 1920an apabila sukarelawan yang terlibat dalam pembukaan sekolah-sekolah cacat penglihatan dan pendengaran. Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran melalui Perakuan 169 merupakan satu titik tolak yang membawa kepada satu penekanan dan tumpuan yang lebih jelas kepada perkembangan Pendidikan Khas di Malaysia. Perakuan ini menyebut,

Dengan adanya kesedaran bahawa kerajaan seharusnya bertanggungjawab terhadap pendidikan kanak-kanak cacat adalah diperakukan kerjaan hendaklah mengambil alih sepenuhnya tanggung jawab pendidikan itu dari pihak-pihak persatuan yang mengendalikannya pada masa ini. Disamping itu penyertaan o/eh badan-badan sukarela dalam memajukan pendidikan kanak-kanak cacat hendaklah terus digalakkan (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1976)

Penyataan Masalah

Pihak pengkaji ingin mengenalpasti sama ada faktor penerimaan institut, kesesuaian silibus, pengajaran guru, dan kemudahan prasarana mempengaruhi keberkesanan program pendidikan khas dalam matapelajaran teknik dan vokasional di politeknik-politeknik Malaysia.

Objektif Kajian

1 Menenalpasti faktor penerimaan institut pendidikan tinggi teknikal untuk golongan OKU mempengaruhi dalam menentukan keberkesanan program pendidikan khas.

2 Menenalpasti sejauh mana faktor kemahiran yang dimiliki oleh tenaga pengajar dalam menyampaikan pengajaran kepada golongan OKU mempengaruhi dalam menentukan keberkesanan program pendidikan khas.

3 Mengkaji faktor kesesuaian silibus mata pelajaran kemahiran yang diberikan kepada golongan OKU mempengaruhi dalam menentukan keberkesanan program pendidikan khas.

4 Menenalpasti faktor prasarana yang disediakan dalam menjalankan proses pendidikan untuk golongan OKU mempengaruhi dalam menentukan keberkesanan program pendidikan khas.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kepentingan kepada :-

Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar dapat mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran yang perlu diberikan kepada golongan pelajar OKU dan membantu tenaga pengajar memahami kemampuan serta kebolehan pelajar OKU dalam mengukur keupayaan dan kebolehan mereka dalam menentukan sejauh mana peluang dan pembabitan mereka dalam sesuatu bidang. Selain itu, kajian ini juga memberi pendedahan kepada tenaga pengajar supaya strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya kemahiran teknikal di kalangan pelajar khususnya dapat ditingkatkan.

Pelajar OKU

Pelajar sebagai golongan yang terlibat secara tidak langsung dalam kajian ini dapat mengetahui bahawa hak mereka untuk menuntut ilmu tidak diketepikan oleh masyarakat dan peluang mereka mempunyai tanggungjawab untuk terlibat sama dalam meningkatkan sumber tenaga Negara.

Ibu Bapa Golongan OKU

Ibu bapa yang merupakan individu yang paling hampir dengan pelajar apabila berada di rumah, dapat diberi pendedahan mengenai kemahiran dan kepentingannya di era serba maju ini. Kajian ini dapat

mendorong ibu bapa membantu dalam meningkatkan keyakinan dan semangat pelajar di rumah sekaligus mengalakkan anak-anak supaya terus berusaha untuk masa depan yang cerah.

Kementerian Pelajaran Malaysia

Menyakinkan penggubal kurikulum di Pusat Perkembangan Kurikulum, dan memberi sokongan yang lebih kukuh untuk mengintegrasikan pendidikan kemahiran berkaitan teknikal dan teknologi di kepada golongan pelajar OKU. Kajian ini juga dapat mendorong pihak kementerian supaya sentiasa melihat kepada perkembangan kemahiran yang sesuai untuk golongan ini mengikut peredaran arus teknologi

Penyelidik

Penyelidik sabagai seorang bakal guru bukan sahaja menitikberatkan pendidikan untuk pelajar biasa malah perlu mengambil kira juga kepada golongan yang kurang upaya. Kajian ini dapat melihat tahap kemahiran yang di perlukan di kalangan pelajar OKU dan mengenal pasti masalah-masalah yang wujud dalam penerapan kemahiran untuk golongan ini di sekolah. Kajian ini juga adalah sebagai salah satu syarat untuk penyelidik menamatkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda.

Batasan kajian

Bidang yang dikaji ialah bidang program pendidikan khas dan kajian ini hanya mengkaji tahap keberkesanan program pendidikan khas di kalangan pelajar OKU dalam bidang kemahiran teknikal. Kajian yang dijalankan adalah melibatkan tenaga pengajar pelajar OKU di tiga buah politeknik di Perak, Shah Alam dan Johor Bharu. Populasi terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti pengkhususan kemahiran yang terdapat di Politeknik seperti Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Rekabentuk atau pun catering. Kajian ini akan dilaksanakan berdasarkan objektif kajian yang terlibat. Data yang dikumpul dari borang soal selidik yang diedarkan kepada responden dan jawapan yang diberikan adalah mengikut keikhlasan responden.

Metodologi

Populasi Dan Sampel Kajian

Mohd Majid (2004) mendefinisikan populasi sebagai satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Individu atau objek yang dicerap mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu sama lain. Populasi kajian ini terdiri daripada pensyarah politeknik yang mengajar matapelajaran untuk golongan OKU.

Menurut Mohd Najib (1999), sampel merangkumi ahli-ahli dari kumpulan kecil yang dipilih secara rawak atau tidak rawak dari populasi untuk mengkaji sifat atau parameter populasi. Sampel kajian ini adalah pensampelan tidak rawak jenis bertujuan iaitu hanya melibatkan pensyarah-pensyarah yang mengajar pelajar OKU tahun 2 khususnya cacat pendengaran di politeknik yang terpilih. Responden terdiri daripada 10 orang pensyarah bagi setiap politeknik.

Instrumen Kajian

Instrumen yang dijalankan adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik sesuai digunakan kerana ia dapat memberikan respon yang lebih tepat kerana responden tidak berhadapan dengan pengkaji semasa menjawab soalan-soalan tersebut.

Sebagaimana menurut Mohd Majid (2004), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana menggunakan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan sampel kerana tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Responden bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap soalan yang diberikan. Oleh itu, hasil kajian yang akan di perolehi dapat dirumuskan dengan lebih tepat

Soal selidik kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu :-

BAHAGIAN A

Jadual 1 Pembahagian item bahagian A mengikut latar belakang responden

ITEM	LATAR BELAKANG
1	Jantina
2	Keturunan Dan Bangsa
3	Umur
4	Kelulusan Tertinggi Dalam Pendidikan
5	Tempat Pendidikan Terakhir
6	Tempoh Berkhidmat
7	Jenis Kecacatan Pelajar
8	Kursus Ditawarkan

BAHAGIAN B

Bahagian B memuatkan soalan yang direka bentuk bagi mendapatkan maklumat daripada responden tentang keberkesanan pendidikan khas teknik dan vokasional untuk golongan OKU (cacat pendengaran) di politeknik Malaysia dalam mata pelajaran vokasional di tiga buah Politeknik yang di pilih iaitu Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Shah Alam (PSA), Politeknik Johor Bahru (PJB). Bahagian ini juga terbahagi kepada lima persoalan kajian berdasarkan kepada faktor-faktor di atas.

Jadual 2 Persoalan kajian mengikut setiap pembolehubah

BIL	PERSOALAN KAJIAN	ITEM
1	Adakah penerimaan institut pendidikan tinggi teknikal mempengaruhi dalam menentukan keberkesanan program pendidikan khas	1, 2, 3, 4, 5, 6

2	Adakah faktor tahap kemahiran yang diperolehi oleh tenaga pengajar mempengaruhi dalam menentukan keberkesanan program pendidikan khas	7, 8, 9, 10, 11, 12, 13,14,15,16,17
3	Adakah faktor kesesuaian silibus mata pelajaran kemahiran yang diberikan kepada golongan OKU mempengaruhi dalam menentukan keberkesanan program pendidikan khas	17, 18, 19, 20, 21
4	Adakah faktor prasarana yang di sediakan dalam menjalankan proses pendidikan dalam menentukan keberkesanan program pendidikan khas	22, 23, 24, 25, 26, 27

Responden hanya perlu menanda pada petak yang telah disediakan pada borang soal selidik Skala Likert Lima Mata. Bagi mendapatkan maklumat dalam bahagian B, terdapat skor Lima Mata iaitu “Amat setuju” , “Setuju” , “Tidak Pasti”, “Tidak Setuju” , “Amat Tidak setuju”. Skor bagi setiap soalan dijumlahkan dengan kekerapan dan peratus yang diperolehi dari program SPSS. Bagi skor “Amat Setuju” dan “Setuju” dikira sebagai “setuju” . Bagi skor “Amat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” dikira sebagai “Tidak Setuju”.

Kajian Rintis

Kajian rintis ini bertujuan untuk menguji instrumen dari segi isi kandungan, kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan membawa maksud data yang diperolehi adalah melambangkan apa yang diukur Mohd Najib Ghafar (1998) dalam Shahrul (2003). Manakala kebolehpercayaan pula ialah ketekalan sesuatu alat dalam melahirkan skor yang setara iaitu skor yang sama atau hampir sama diperolehi apabila dilaksanakan sebanyak dua kali pada subjek yang sama (Syahram Abdullah, 1990).

Mengikut Mohd Majid (1994) menyatakan, meskipun tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur, pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan dan menjadikan rujukan paling minimum untuk diterima.

Seramai 8 orang tenaga pengajar dari Politeknik Johor Bahru yang mengajar golongan OKU telah di pilih sebagai responden. Responden-responden yang diambil tidak melibatkan populasi yang telah dirancang. Kajian rintis ini, dijalankan dua bulan sebelum kajian sebenar dijalankan. Tujuan menjalankan kajian rintis terlebih dahulu untuk mengenal pasti sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian, terutamanya dalam penggunaan istilah dan struktur ayat. Selain itu, kajian rintis mengenal pasti sejauh mana responden memahami setiap pertanyaan dan kesesuaian soalan-soalan yang digunakan. Ini dilakukan dengan membenarkan responden bertanya kepada penyelidik

Di dalam kajian ini, penyelidik telah memilih 8 orang tenaga pengajar di ambil secara rawak yang mengajar golongan pelajar OKU di Politeknik Johor Bahru. Responden yang diambil tidak termasuk di

dalam populasi yang telah dirancang. Berdasarkan analisis kajian rintis yang telah dibuat, nilai Alpha Cronbach (α), yang didapati adalah 0.70 dan ia berada di tahap yang tinggi. Ini menunjukkan soal selidik itu boleh digunakan dan tidak perlu diubah.

Keputusan

Rumusan hasil kajian keempat-empat persoalan yang diajukan dirumuskan didalam jadual 3.

Jadual 3: Rumusan keseluruhan analisis

BIL	PERSOALAN KAJIAN	MIN	PETANDA
1	Adakah penerimaan institut pendidikan tinggi teknikal mempengaruhi dalam menentukan keberkesanan program pendidikan khas	3.51	TINGGI
2	Adakah faktor tahap kemahiran yang diperolehi oleh tenaga pengajar mempengaruhi dalam menentukan keberkesanan program pendidikan khas	3.63	TINGGI
3	Adakah faktor kesesuaian silibus mata pelajaran kemahiran yang diberikan kepada golongan OKU mempengaruhi dalam menentukan keberkesanan program pendidikan khas	3.66	TINGGI
4	Adakah faktor prasarana yang di sediakan dalam menjalankan proses pendidikan dalam menentukan keberkesanan program pendidikan khas	3.07	SEDERHANA

Berdasarkan Jadual 3 di atas, tahap penilaian responden berdasarkan min dengan merujuk kepada sumber Najib (1998), mendapati bahawa nilai purata min bagi persoalan kajian 1 adalah pada aras tertinggi iaitu sebanyak 3.51. Dapatan ini menunjukkan penerimaan institut pendidikan tinggi teknikal menjadi salah satu factor yang menyumbang kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam program pendidikan khas di politeknik Malaysia.

Bagi persoalan kajian 2 pula, hasil dapatan yang diperolehi turut menunjukkan tanda aras tertinggi dengan nilai min sebanyak 3.63. Analisis ini menunjukkan tahap kemahiran yang diperolehi oleh pensyarah-pensyarah di politeknik sudah mampu untuk melahirkan keperluan sumber tenaga Negara dalam pengajaran dan pembelajaran dalam program pendidikan khas di Malaysia.

Purata keseluruhan min yang di perolehi bagi persoalan kajian 3 adalah sebanyak 3.66 juga menunjukkan pada tanda aras yang tinggi mengikut Najib (1998). Dapatan kajian ini menunjukkan kesesuaian silibus mata pelajaran kemahiran yang diberikan kepada golongan OKU bersesuaian dengan tahap golongan pelajar OKU. Kesesuaian silibus ini menyumbang kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam program pendidikan khas di politeknik.

Manakala untuk persoalan kajian 4 perolehan purata min adalah sebanyak 3.07 sahaja. Ini menunjukkan persoalan kajian 4 yang berkaitan prasarana yang disediakan berada pada tahap yang sederhana mengikut sistem penilaian berasaskan purata min yang diunjurkan oleh Najib(1998). Hasil kajian ini menunjukkan

prasarana yang disediakan untuk golongan pelajar OKU masih dalam keadaan sederhana. Ini membawa maksud, masih terdapat banyak prasarana yang kurang seperti bahan-bahan dan peralatan pembelajaran yang masih tidak mencukupi dan juga bahan rujukan dan alat bantu mengajar tentang pengajaran pemulihan susah di perolehi apabila proses pengajaran dan pembelajaran sedang di jalankan.

Perbincangan

Keputusan keseluruhan daripada hasil penganalisan data menunjukkan faktor penerimaan institut pendidikan tinggi teknikal dan vokasional dalam proses pengajaran dan pembelajaran berada ditahap tertinggi. Hal ini turut dibantu oleh faktor tahap kemahiran yang diperolehi oleh tenaga pengajar. Sumber dapatan kajian ini jelas menunjukkan pensyarah mempunyai kemahiran yang tidak mampu disangkal kerana kebolehan serta keupayaan yang mantap dalam mendidik pelajar-pelajar OKU dengan mengetepikan unsur-unsur diskriminasi.

Hasil dari kajian juga, didapati aspek faktor kesesuaian silibus mata pelajaran kemahiran terhadap golongan OKU ini turut memainkan peranan utama ke arah pembentukan serta keberkesanan proses pembelajaran. Melalui pemerhatian, silibus yang disediakan kepada golongan pelajar OKU ini adalah bersesuaian dengan tahap keupayaan penerimaan pelajar OKU. Lantaran daripada itu, kesesuaian silibus akan memudahkan lagi kefahaman mereka di dalam sesuatu matapelajaran. Faktor prasarana institut pula, dilihat masih berada pada tahap yang sederhana. Hasil dari dapatan kajian ini menunjukkan pihak institut telah berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Namun, penyampaian hasrat ini masih lagi tidak mampu diterjemahkan secara keseluruhan dan hal ini masih boleh dipertingkatkan lagi pada masa hadapan mengikut kemampuan yang ada, agar rangsangan pembelajaran pelajar berterusan untuk melahirkan pelajar cemerlang.

Kesimpulannya pensyarah dan institut pendidikan telah melaksanakan tanggungjawab yang sewajarnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang secara tidak langsung telah mempengaruhi potensi pelajar OKU. Namun begitu, prasarana yang disediakan masih boleh di tingkatkan untuk menjaga hak pelajar OKU kerana prasarana yang disediakan masih di tahap sederhana. Ini kerana hak kemudahan yang sewajarnya dinikmati mereka dinafikan sekaligus mempengaruhi usaha untuk mempertingkatkan pencapaian pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bersesuaian dengan pendapat Faisal (1999), yang menyatakan bahawa keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada kerjasama daripada pihak sekolah, guru, ibubapa dan pelajar yang boleh menentukan peningkatan dan peringkat pencapaian pelajar-pelajar.

Penerimaan Institut Pendidikan Tinggi Teknikal Dan Vokasional

Antara faktor yang mendorong perkembangan pencapaian pelajar OKU dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah faktor penerimaan institut pendidikan itu sendiri terhadap golongan pelajar OKU. Hasil kajian mendapati kemampuan institusi yang terbabit menyediakan tenaga pengajar yang berkemahiran dalam kursus pendidikan khas berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa institusi yang terbabit seperti politeknik-politeknik di Malaysia mampu untuk menyediakan keperluan asas pembelajaran terhadap golongan pelajar OKU tanpa mendiskriminasikan hak mereka sebagai seorang pelajar.

Pengambilan para pelajar OKU jelas tidak menampakkan sebagai suatu beban kepada pensyarah-pensyarah di politeknik. Hal ini sejajar dengan Mandat Rancangan Sedunia Bangsa-Bangsa Bersatu untuk OKU (*United Nations Global Programme on Disability*) dalam artikel yang bertajuk Dasar Dan Pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan oleh Hasnan dan Syed Othman (2001) yang menyarankan tiga objektif antara lainya iaitu supaya golongan OKU perlu diberi peluang dan galakan untuk membangunkan diri dan menyertai masyarakat secara berkesan. Perkara tersebut turut tidak disangkal

dengan hasil dapatan kajian yang menunjukkan bahawa pengambilan pelajar OKU dalam mengikuti sesuatu kursus adalah tidak terhad. Faktor kecacatan pelajar tidak dianggap sebagai suatu faktor yang membawa kepada kesukaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan. Objektif kedua yang disarankan Mandat Rancangan Sedunia Bangsa-Bangsa Bersatu untuk OKU iaitu hak asasi dan maruah golongan OKU mesti dilindungi telah membuka mata masyarakat bahawa golongan OKU juga dapat memberikan sumbangan yang baik jika mereka diberi peluang dan hak yang sewajarnya. Objektif yang ketiga yang disarankan oleh badan ini ialah mengutarakan persamaan peluang untuk mendapat pekerjaan, pelajaran, maklumat, barangan dan peralatan, dan perkhidmatan. Ini juga bertepatan dengan pendapat Sulaiman (1998), bahawa penglibatan institut pendidikan dalam memberi peluang kepada pelajar amatlah penting untuk menjamin pencapaian yang lebih baik dalam diri pelajar.

Tahap Kemahiran Yang Diperolehi Oleh Tenaga Pengajar

Titik permulaan yang menarik kecenderungan pelajar untuk menimba ilmu adalah dengan adanya teknik pengajaran dan pembelajaran yang menarik daripada tenaga pengajar. Faktor kemahiran tenaga pengajar adalah penting kepada golongan pelajar OKU kerana tenaga pengajar yang mahir mampu memahami kebolehan mereka di dalam mempelajari sesuatu pelajaran. Hasil kajian menunjukkan pensyarah-pensyarah dipoliteknik berminat terhadap bidang-bidang pendidikan khas ini. Selain itu, hasil dapatan turut menunjukkan para pensyarah tersebut mempunyai suatu azam yang tinggi iaitu untuk mendidik pelajar-pelajar OKU sehingga berjaya dan mencapai pencapaian yang cemerlang terutamanya di dalam bidang pendidikan teknik dan vokasioanal.

Sumber perolehan kajian juga mendapati pensyarah dapat menentukan jenis kesulitan serta permasalahan yang pelajar hadapi. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Chua Tee Tee (1992) yang menyatakan, tulang belakang sesuatu program pendidikan khas ialah kecekapan dan kemahiran kakitangan profesionalnya. Tenaga pengajar bagi golongan OKU memerlukan latihan khas sebelum melayakkan mereka untuk mengajar golongan yang berkenaan. Selain itu, hasil kajian juga mendapati pensyarah juga secara langsung banyak membantu serta mempengaruhi minat pelajar OKU serta membantu mereka mengatasi sikap negatif. Menurut kajian oleh Lombana pada (1992) dalam Drummond dan Ryn (1995) menyatakan guru-guru yang mempunyai pengetahuan berkaitan kecacatan memiliki sikap yang lebih positif berbanding guru-guru tanpa pengetahuan berkaitan kecacatan. Pernyataan ini membuktikan pensyarah-pensyarah yang bertanggungjawab telah mendapat kemahiran serta pengetahuan yang lebih mendalam dalam pengajaran mereka. Dengan pengetahuan tersebut, kesungguhan pelajar dalam pembelajaran serta prestasi pencapaian mereka dapat diserlahkan.

Kajian Jamil Abd Baser (1996) dalam Adzmi (2003) berpendapat bahawa salah satu faktor yang boleh mempengaruhi keberkesanan sesuatu proses pengajaran ialah kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar. Pernyataan ini dikukuhkan dengan hasil daripada dapatan yang menunjukkan pensyarah berkemampuan untuk mewujudkan satu suasana yang menyeronokkan semasa mengajar pelajar OKU. Suasana pembelajaran yang dicetuskan oleh para pensyarah seolah satu proses transformasi ilmu yang berkesan daripada mereka yang berkemahiran kepada golongan pelajar OKU tersebut.

Selain itu, pensyarah juga perlu sentiasa dalam keadaan bersedia merencanakan cara pengajaran serta kaedah yang bakal digunakan untuk tujuan penyampaian pengajarannya. Menurut Mohd Nor Md Jonan (1982) dalam Noor (2003), seorang pensyarah atau guru juga sepatutnya mengorganisasi bahannya dengan sistem dan teratur supaya mempunyai matlamat dan ia bersambungan di antara satu dengan lain untuk kebaikan pelajar. Kepelbagaian teknik mengajar dan penggunaan alat bantu mengajar yang pelbagai akan memberi kepuasan kepada mereka dan pelajar untuk mempelajari mata pelajaran yang diajar.

Kesesuaian Silibus Mata Pelajaran Kemahiran

Proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dengan adanya perancangan awal teliti. Antara skop perancangan yang dimaksudkan ialah perancang silibus yang bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar. Ini secara tidak langsung akan memudahkan tugas pensyarah semasa sesi mengajar kerana mereka akan mempunyai panduan yang teratur dan lengkap. Kesannya satu suasana pengajaran serta pembelajaran yang lebih yakin akan dicetuskan. Selain itu juga, pensyarah akan dapat menguruskan masa yang lebih efisien dan dapat mempelbagaikan kaedah pengajarannya (Ee Ah Meng, 1996)

Merujuk kepada hasil kajian, modul pengajaran pelajar OKU adalah berbeza dengan pelajar biasa. Fakta ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan sebahagian pensyarah yang menyatakan, satu silibus khas telah disediakan untuk golongan OKU ini. Fungsi utama silibus ini dirangka adalah untuk memudahkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran golongan pelajar OKU. Menurut Aziz (1991), memahami kehendak silibus dengan tepat dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Ke arah membentuk satu sistem pembelajaran dengan tenaga pengajar yang berkemahiran, persediaan awal yang rapi harus dititikberatkan. Menurut Murugiah Velayutham (1997), persediaan yang secukupnya terutamanya dalam silibus yang di rangka perlu bagi seseorang tenaga pengajar untuk menghadapi sebarang perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan Malaysia. Ini kerana melalui satu silibus yang baik, ia akan memcetuskan satu suasana pengajaran dan pembelajaran yang harmoni serta pengaruh pemahaman yang jitu. Tenaga pengajar yang bersedia untuk belajar sesuatu mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menguasai sesuatu pelajaran tersebut berbanding dengan mereka yang tidak bersedia (Suria, 2000).

Kemahiran diertikan sebagai ketrampilan, kecekapan dan pengetahuan guna tenaga dalam bidang teknikal yang melibatkan operasi kognitif, psikomotor dan penggunaan sumber yang berkesan (Ahmad, 1997). Tenaga pengajar perlu mengetahui jenis pendekatan yang harus digunakan dalam proses mengawal pelajar mereka. Jenis pendekatan adalah berbeza bergantung kepada kemampuan serta corak pemahaman yang ditunjukkan oleh pelajar. Ini dikukuhkan dengan maklumat data yang diperolehi iaitu secara puratanya hampir semua para pensyarah mengakui pentingnya corak pendekatan yang berbeza semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pensyarah-pensyarah juga bersetuju bahawa system pengajaran untuk pelajar pendidikan khas berbeza dari segi kognitif, mental dan psikologi. Kemahiran dan teknik pengajaran yang baik akan memastikan minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran dapat ditingkatkan atau dikekalkan (Abdul Razak, 1997). Pengetahuan serta kemahiran yang mendalam dalam bidang psikologi akan dapat membantu guru menyampaikan ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan

Prasarana Yang Disediakan Dalam Menjalankan Proses Pendidikan

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, prasarana sekolah juga memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian pelajar. Hasil dapatan menunjukkan kemudahan dari segi prasarana yang terdapat dipoliteknik berada dalam tahap yang sederhana. Dapatan menunjukkan pihak institut sangat perihatin kemudahan untuk golongan pelajar OKU bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang sempurna. Bagaimanapun masih juga terdapat keadaan fizikal berada di tahap rendah, seperti bahan-bahan serta peralatan pembelajaran dan bahan rujukan dan alat bantu mengajar tentang pengajaran pemulihan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa walaupun pihak institut memberikan penekanan secara menyeluruh terhadap prasarana politeknik tetapi masih lagi terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki. Menurut pendapat Ee Ah Meng (1994), prasarana sekolah yang tidak terjamin memberi gangguan rangsangan pelajar dan kekurangan bahan bantuan mengajar guru menjadi penghalang dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dari aspek berkaitan kemudahan, kesesuaian peralatan yang disediakan di politeknik berada di tahap sederhana. Kemudahan rujukan yang disediakan dipertustakaan politeknik masih berada pada tahap sederhana. Ini selaras dengan satu kajian yang telah dilakukan oleh Chua Tee Tee (1988) telah mendedahkan satu keadaan bahan/alatan pengajaran yang kurang memuaskan di sekolah-sekolah dan pihak sekolah juga tidak ada peruntukan yang mencukupi untuk membiayai perbelanjaan bagi program pemulihan.

Amnya kanak-kanak luar biasa mengikuti kurikulum sekolah yang di ubahsuai untuk memenuhi keperluan-keperluan khas. Kurikulum khas termasuklah peralatan dan kelengkapan khas. Kelengkapan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini sangat penting bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran terutamanya bagi golongan yang kurang upaya ini (Robiah,1988)

Rumusan

Secara keseluruhannya banyak pihak yang bertanggungjawab diantaranya pensyarah dan kementerian pendidikan telah menunaikan tanggungjawab mereka untuk melahirkan masyarakat yang berilmu. Mereka dapat menunaikan tanggungjawab mereka bagi meningkatkan pencapaian dikalangan pelajar agar menjadi generasi yang berkualiti. Berdasarkan hasil kajian yang dibincangkan, beberapa rumusan dikemukakan dalam bahagian ini antaranya:

i. Kejayaan pelajar juga bergantung sepenuhnya kepada peranan institute pendidikan. Pada keseluruhannya, politeknik-politeknik ini sanggup menerima pelajar-pelajar OKU tanpa mendiskriminasi hak untuk golongan pelajar OKU terutamanya dalam bidang pendidikan. Institut juga menyediakan tenaga-tenaga pengajar yang mahir terutamanya dalam bidang pendidikan khas. Ini sekali gus dapat menjamin tahap kualiti kemahiran pelajar OKU dalam meningkatkan sumber tenaga negara. Bagaimana pun, tidak semua kursus yang ditawarkan oleh pihak institut bersesuaian dengan keadaan fizikal pelajar OKU. Faktor ini adalah kerana, terdapat peralatan-peralatan yang berbahaya dan tidak sesuai untuk digunakan oleh golongan pelajar OKU. Peranan dan penerimaan institut pendidikan adalah sangat penting kerana ianya akan mempengaruhi peningkatan pencapaian pembelajaran para pelajar untuk masa depan. Berdasarkan kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa peranan institut pendidikan tinggi teknikal dan vokasional dalam membantu meningkatkan pembelajaran pelajar berada pada tahap yang sangat tinggi dan memuaskan

ii. Pensyarah-pensyarah pada keseluruhannya mempunyai persediaan yang cukup dengan memenuhi ruang masa dalam menjalankan tugas sebagai pendidik. Daripada hasil perbincangan didapati pensyarah-pensyarah di politeknik-politeknik yang terlibat mempunyai personaliti yang baik, berkomitmen tinggi, berpengetahuan dan berkemahiran. Sikap yang negatif tidak harus ditunjukkan oleh pensyarah kerana ianya memberikan kesan kepada peningkatan pencapaian pelajar keseluruhannya. Sikap yang ditunjukkan oleh pensyarah akan ditiru pelajar kerana pensyarah adalah role model kepada para pelajar. Kebiasaannya pensyarah yang berpersonaliti, berkomitmen, berpengetahuan, berkemahiran dan bersikap positif akan sentiasa memastikan minat pelajar terhadap sesuatu matapelajaran dapat ditingkatkan atau dikekalkan, disamping dapat menjalankan tugas mereka sebagai pensyarah dengan lebih yakin dan efisien. Daripada keputusan hasil kajian ini dapatlah dirumuskan bahawa pengajaran pensyarah dalam perlaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran memberi kesan terhadap peningkatan pembelajaran pelajar.

iii. Silibus dalam merangka satu pendidikan adalah asas rujukan bagi seorang tenaga pengajar dalam menyampaikan ilmu yang hendak diberikan. Dapatan hasil kajian menunjukkan silibus dan modul yang telah dirangka bersesuaian dengan tahap kebolehan dan tahap fizikal untuk golongan OKU ini. Pendekatan yang diketengahkan juga selaras dengan bagaimana corak dan halatuju pelajar-pelajar itu sendiri. Modul dapat dibangunkan dengan menumpukan kepada kemahiran, aktiviti dan persekitaran yang paling relevan dengan pelajar berkenaan. Kurikulum ini juga ditingkatkan secara berterusan apabila

pelajar itu berubah. Prioriti atau keutamaan akan dipentingkan terlebih dahulu. Dari hasil kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa faktor silibus mempengaruhi pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran teknikal vokasional.

iv. Sesebuah institut pendidikan mempunyai pengaruh besar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Prasarana dan persekitaran institut yang baik akan menyebabkan pensyarah dan pelajar bermotivasi dan boleh melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan hasil menunjukkan pihak politeknik telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik dengan menyediakan fizikal sekolah, keselesaan sekolah dan sumber rujukan agar dapat merangsangkan dan menarik minat guru mengajar dan pelajar belajar. Cuma, terdapat sedikit kelemahan seperti sumber rujukan dan bahan bantu mengajar yang masih tidak mencukupi. Kelemahan ini perlu diatasi segera agar tidak menjadi penghalang kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Umumnya, pihak politeknik sentiasa memberikan penekanan secara menyeluruh untuk meningkatkan rangsangan pensyarah mengajar dan pelajar belajar. Kerjasama daripada semua warga institut adalah perlu untuk menjayakan segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dari hasil kajian dapatlah dirumuskan, bahawa kemudahan prasarana sekolah memberikan kesan terhadap pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran vokasional.

Rujukan

Abdul Razak (1997). Persepsi Guru-Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Terhadap RekaCipta. Tidak diterbitkan Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.

Adam Salleh (2003).Orang Cacat Masih Terpinggir. Utusan Malaysia (atas talian) diperolehi pada Julai 24, 2007 daripada <http://utusan.com.my>

Adzmi Yusoff (2003).Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Bagi Sub Topik Unjuran Ortografik, Pandangan Isometrik Dan Pandangan Oblik Di Sekolah Menengah Teknik Negeri Pantai Timur. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.

Ali Mahmood (2007).OKU Perlu Terus Diberi Peluang. Utusan Malaysia (atas talian) diperolehi pada Julai 24, 2007, daripada <http://utusan.com.my>

Ahmad Mohd Sharif (1997).Pelaksanaan Program Pendidikan Vokasional, Teknikal dan Kejuruteraan serta Implikasinya. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Anjuran UTHO

Ang Huat Bin (1999).Konsep Dan Kaedah Pengajaran Dengan Penekanan Pendidikan Inklusif. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd

Aziz Nordin (1991).Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pembelajaran Kimia”. Jurnal Pendidikan. 1 .70-80.

Bourgeault dan Michael D (1970).Ausubel’s satellization theory: Application to some research on adolescents. Journal Adolescents, 13 (49), 167-180

Chiam Heng Keng (2007). *Orang Kurang Upaya*. Utusan Malaysia. (atas talian) diperolehi pada Ogos 25, 2007, daripada <http://utusan.com.my>

Chua Tee Tee dan Koh Boh Boon (1992).*Pendidikan Khas Dan Pemulihan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka

- Drummond dan Ryn,W. (1995).*Themes In Teacher Education Research*.Handbook Of Research On Teacher Education. New York: Macmillan Publishing Co.
- Ee Ah Meng (1999). *Pedagogi untuk Bakal Guru*. Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Esah Sulaiman (2003).*Asas Pedagogi*. Johor Bahru: Penerbit Universiti TeknologiMalaysia.
- Faisal Md. Kasim (1999). *Satu Tinjauan Teknik Belajar Pelajar Sekolah Menengah Vokasional (ERT) Azizah, Johor Bahru, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.Projek Sarjana Muda.
- Hashim Omar (1991).*Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Hasnan dan Syed Othman (2001). *Dasar Dan Pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan*. Utusan Malaysia (atas talian) diperolehi pada Januari 28, 2008, daripada <http://utusan.com.my>
- Jamila K (2005).*Pendidikan Khas Untuk Kanak-kanak Istimewa*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn.Bhd
- Kamus Dewan (1990). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ku Seman (2007). *Kurang Fikir Terhadap Kurang Upaya*. Utusan Malaysia (atas talian) diperolehi pada Julai 28, 2007 daripada <http://utusan.com.my>